
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HIS 224 – INSTITUSI KEKELUARGAAN ISLAM

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan SATU [wajib] dan pilih TIGA soalan yang lain.

...2/-

1. [a] Azman ingin berkahwin dengan Aida. Namun Aida adalah adik kembar kepada Aina yang pernah menyusu dengan ibu Azman. Apakah hukum perkahwinan ini dan alasannya?
[20 markah]
- [b] Malik ingin mengahwini Nora iaitu bekas isteri Zain. Isteri pertama Malik ialah Rina. Semasa melahirkan anak Malik yang pertama, Rina turut menyusukan Zain. Namun mereka sama sekali tidak pernah bertemu selepas itu. Apakah hukum Malik ingin beristerikan Nora?
[20 markah]
- [c] Nur Hidayah ingin mengahwini seorang lelaki pilihannya. Namun bapanya enggan mengahwinkannya. Huraikan hak yang boleh diperolehi oleh Nurul Hidayah dan walinya berdasarkan keseimbangan hak?
[40 markah]
- [d] Mariam anak susuan Naimah dari susu 'Imran. Setelah bercerai dengan 'Imran, Naimah berkahwin dengan Hasan. Setahun setelah Naimah meninggal, Hasan bertemu Mariam dan ingin mengahwini. Apakah hukum perkahwinan mereka?
[20 markah]
2. [a] Jelaskan **tiga** kepentingan sistem munakahat Islam bagi seseorang insan dalam kehidupannya di dunia ini.
[30 markah]
- [b] Peminangan boleh berlaku dalam dua cara iaitu **tasrih** (تصريح) dan **ta'rid** (تعريض). Nyatakan apakah keadaan berikut serta alasannya:
- [i] **Dua** keadaan diharuskan *tasrih* dan *ta'rid*
- [ii] **Dua** keadaan diharamkan *tasrih* dan *ta'rid*
- [iii] **Dua** keadaan diharuskan *ta'rid* dan diharamkan *tasrih*.
[60 markah]
- [c] Jelaskan maksud *sighah mutlak* dalam akad nikah?
[10 markah]

3. [a] Terdapat beberapa keadaan pihak kadi boleh memisahkan seseorang suami dari isterinya. Jelaskan **tiga** daripadanya. [30 markah]
- [b] Nyatakan pandangan anda serta alasannya mengenai *zawaj misyar*. [30 markah]
- [c] Jelaskan keadaan berikut;
- [i] Suami wajib membayar mahar sepenuhnya.
- [ii] Suami wajib membayar saparuh mahar.
- [iii] Suami tidak wajib membayar mahar. [40 markah]
4. [a] Nyatakan **empat** langkah sebelum nikah yang digariskan oleh Islam untuk mengelakkan berlakunya talak. [40 markah]
- [b] Jelaskan syarat-syarat sah susuan yang membawakan kepada hukum-hakam susuan. [20 markah]
- [c] Sebutkan **dua** perbezaan antara *khulu'* dan talaq biasa. [20 markah]
- [d] Sebutkan perbezaan antara berkahwin dengan ibu mertua dan berkahwin dengan anak tiri. [20 markah]
5. [a] Apakah perbezaan antara mahar dan wang hantaran yang terdapat dalam masyarakat kita? Berikan pandangan anda berdasarkan huraian syarak. [30 markah]
- [b] Jelaskan **dua** hikmah keizinan peminangan secara *ta'rid* (تعريض) bukan *tasrih* (تصريح) dalam beberapa keadaan [20 markah]
- [c] Sebutkan kewajipan 'iddah isteri yang kematian suami [20 markah]
- ...4/-

- [d] Hukum *zihar* hampir tidak berlaku dalam masyarakat tempatan. Jelaskan kenyataan ini.
[30 markah]
6. [a] Senaraikan dengan lengkap wanita yang diharamkan secara *muabbadah* disebabkan susuan.
[35 markah]
- [b] Gambarkan **tiga** keadaan poligami dalam membela kepentingan wanita.
[30 markah]
- [c] Perkahwinan yang sah adalah sebab pensabitan nasab. Sebutkan syarat-syarat yang membolehkan pensabitan nasab setelah kesahihan nikah.
[15 markah]
- [d] Islam mewujudkan ruang yang dimiliki oleh isteri untuk membebaskan diri dari ikatan perkahwinan. Jelaskan.
[20 markah]